



PENDIDIKAN

ARKIB : 26/11/2008

Hab pendidikan bersepadu di Nilai siap 2010

GENTING HIGHLANDS 25 Nov. – Fasa pertama projek bersepadu hab pendidikan di Nilai, Negeri Sembilan yang bakal menempatkan beberapa institusi pendidikan utama dijangka siap menjelang tahun 2010.

Ketua Setiausaha Kementerian Pelajaran, Tan Sri Dr. Zulkurnain Awang berkata, antara institusi pendidikan yang bakal ditempatkan di situ ialah Institut Aminuddin Baki (IAB), Kolej Tunku Khursiah, Pusat Pengajian Bahasa Inggeris (Eltec) serta beberapa sekolah rendah, sekolah menengah dan politeknik baru.

‘ ‘ Projek ini yang melibatkan anggaran kos RM1 bilion akan dijalankan mengikut fasa dan Kolej Tunku Khursiah yang baru dijangka boleh dibuka selewat-lewatnya 2010.

‘ ‘ Mengenai bangunan asal Kolej Tunku Khursiah, pihak kementerian belum mempunyai apa-apa perancangan tertentu untuk menggantikannya dengan institusi pendidikan lain,’ ‘ katanya kepada pemberita selepas Majlis Perasmian Konvensyen Nasional Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) di IAB di sini hari ini.

Menurutnya, pembinaan hab pendidikan itu mengambil contoh pembangunan hab pendidikan di Christchurch, New Zealand.

‘ ‘ Tujuan asal pembinaan hab itu yang menggabungkan beberapa institusi pendidikan adalah supaya para pelajarnya boleh berkongsi satu kemudahan yang sama seperti dewan dan padang permainan.

‘ ‘ Ia secara tidak langsung dapat menyediakan kemudahan yang lebih baik kerana mudah dijaga oleh pihak pengurusan di samping menjimatkan kos,’ ‘ jelasnya.

Zulkurnain menambah, kawasan hab pendidikan itu akan mempunyai keluasan 280 hektar dan perancangan tersebut bergantung pada situasi ekonomi semasa kerana bajet tersebut tidak dikeluarkan sekali gus kerana ada sebahagian projek berkenaan akan dibina dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).Artikel Penuh:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2008&dt=1126&pub=utusan_malaysia&sec=PENDIDIKAN&pg=pe_04.htm#ixzz2vEhLHXfA

© Utusan Melayu (M) Bhd

